



## **BADAN BERTINDAK IMUNISASI COVID-19**

*COVID-19 Immunisation Task Force (CITF)*

---

### **KERJASAMA ERAT SYARIKAT TELEKOMUNIKASI MALAYSIA DALAM MENJAYAKAN PICK**

---

Pendekatan “whole-of-society approach” diperhebatkan lagi untuk Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) melalui satu jalinan kerjasama di antara Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (CITF) dan beberapa syarikat telekomunikasi untuk memastikan kejayaan program ini.

Menyedari kepentingan PICK bagi negara memberikan perlindungan daripada ancaman pandemik COVID-19, beberapa syarikat telekomunikasi di Malaysia iaitu Celcom Axiata Berhad; Digi Telecommunications Sdn. Bhd.; Maxis Communications Berhad; Telekom Malaysia Berhad; TIME dotCom Bhd. dan U Mobile Sdn. Bhd. telah tampil ke hadapan untuk menjalankan kolaborasi strategik dengan CITF bagi mencapai hasrat berkenaan.

Sebagai rakan korporat CITF, antara inisiatif utama yang telah dan sedang dilaksanakan oleh syarikat-syarikat telekomunikasi tersebut adalah membantu penyediaan infrastruktur rangkaian internet (*connectivity*) di semua Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Malaysia. Dalam aspek ini, syarikat telekomunikasi yang berkenaan akan memastikan supaya PPV bukan sahaja dilengkapi dengan akses internet, tetapi kapasiti jaringan rangkaian juga ditingkatkan.

Notifikasi khidmat pesanan ringkas (SMS) antaranya untuk janji temu yang dihantar kepada orang awam bagi imunisasi COVID-19 adalah juga salah satu hasil kolaborasi bersama syarikat-syarikat telekomunikasi ini yang telah

bermula sejak 5 April 2021 lagi, Notifikasi SMS ini akan diterima oleh individu yang telah berdaftar untuk menerima vaksin COVID-19 melalui PICK.

Selain daripada itu, syarikat telekomunikasi yang terlibat juga berperanan dalam menyebarkan maklumat mengenai PICK serta menggalakkan pendaftaran untuk menerima vaksin COVID-19 melalui platform hebahan seperti laman web rasmi, laman sosial, aplikasi serta pusat khidmat pelanggan masing-masing.

Pihak CITF ingin menzahirkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada syarikat-syarikat telekomunikasi di Malaysia di atas kesudian, inisiatif serta sambutan yang amat positif terhadap kempen jangkau luar PICK dalam menuju objektif mencapai 80 peratus imuniti kelompok dan melindungi penduduk Malaysia.

**- TAMAT -**

**07 JULAI 2021**